



Kementerian Perpaduan Negara
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

PELAN OPERASI LATIHAN 2025

#membudayakanperpaduanmeraikankepelbagaian

KANDUNGAN

1. PENGENALAN JABATAN	3
2. LATAR BELAKANG JABATAN	3
3. VISI JABATAN	4
4. MISI JABATAN	4
5. PERANAN JABATAN	4
6. DEFINISI LATIHAN.....	4
7. OBJEKTIF LATIHAN	6
8. DASAR LATIHAN	6
9. SKOP LATIHAN	6
10. STRATEGI LATIHAN	7
11. PELAKSANAAN LATIHAN.....	12
12. MEWUJUDKAN PAKAR BIDANG KHUSUS (<i>SUBJECT MATTER EXPERT</i>).....	14
13. PELAN STRUKTUR LATIHAN PEGAWAI.....	16
14. PERUNTUKAN LATIHAN	17
Lampiran A	18
Lampiran B.....	19
Lampiran C	20

1. PENGENALAN

Pelan ini menyediakan panduan yang sistematik bagi pembangunan kerjaya pegawai perpaduan melalui program latihan yang komprehensif. Pendekatan pelan ini dirangka secara holistik untuk melatih pegawai supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan berintegriti.

2. LATAR BELAKANG DAN SEJARAH JABATAN

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1969. Penubuhan ini susulan dari Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Mantan Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak pada waktu itu memutuskan agar diwujudkan sebuah jabatan untuk memantau isu dan masalah perpaduan kaum.

JPNIN mengalami beberapa transformasi sepanjang penubuhannya agar menjadi satu agensi peneraju yang kekal relevan dalam pengurusan isu perpaduan Negara. Transformasi JPNIN dapat dirumuskan seperti dalam **Jadual 1**.

Keputusan Jemaah Menteri pada 15 Disember 2004 bersetuju penubuhan IKLIN dengan tanggungjawab sepenuhnya oleh JPNIN dengan geran pelancaran berjumlah RM 2 juta.

Jadual 1: Transformasi JPNIN

Tarikh	Perkara
1 Julai 1969	Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara (Jabatan Perdana Menteri)
1972	Kementerian Perpaduan Negara
1974	Lembaga Perpaduan Negara (Jabatan Perdana Menteri)
1980	Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara (Jabatan Perdana Menteri)
1983	Jabatan Perpaduan Negara (Jabatan Perdana Menteri)
1990	Jabatan Perpaduan Negara (Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat)
2004	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Jabatan Perdana Menteri)
2008	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)
April 2009	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Jabatan Perdana Menteri)
10 Mac 2020	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Kementerian Perpaduan Negara)

3. VISI JABATAN

Peneraju perpaduan dan keharmonian negara Malaysia.

4. MISI JABATAN

Memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian negara berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

5. PERANAN JABATAN

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) komited untuk mencapai objektif berikut:-

- (i) Memupuk, mengukuh dan mempertingkatkan perpaduan masyarakat dan integrasi nasional;
- (ii) Menyemai, memupuk dan mengukuhkan semangat patriotisma dan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat;
- (iii) Melaksana program dan aktiviti perpaduan dan integrasi nasional selari dengan matlamat dasar kerajaan; dan
- (iv) Memantau dan menyelaras pelaksanaan program dan aktiviti di bawah dasar-dasar kementerian yang mempunyai impak perpaduan dan integrasi nasional.

6. DEFINISI LATIHAN

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, takrif latihan ialah: *“Proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program mentoring / coaching atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.”*

Berdasarkan kepada takrif latihan di atas, latihan di JPNIN telah ditakrifkan seperti di **Jadual 2** di bawah:

Jadual 2: Program Latihan dan Jenis Aktiviti di JPNIN

Program Latihan	Jenis Aktiviti
LATIHAN Definasi Sebarang bentuk aktiviti latihan sepanjang tahun yang dijalankan secara bersemuka atau dalam talian (<i>online</i>) anjuran Jabatan, Kementerian atau	i. Kursus ii. Seminar iii. Konvensyen iv. Bengkel/ <i>Workshop</i> v. Forum vi. Simposium/wacana/persidangan

Program Latihan	Jenis Aktiviti
Agensi luar di dalam dan di luar negara.	vii. Retreat Kementerian, Jabatan dan Bahagian viii. Lawatan Rasmi Sambil Belajar
SESI PEMBELAJARAN Definisi: Sebarang bentuk aktiviti latihan atau pembelajaran secara bersemuka atau dalam talian (<i>online</i>) anjuran Jabatan, Kementerian atau Agensi luar.	i. Sesi Pembelajaran di peringkat dalaman Jabatan, Bahagian, Cawangan dan Seksyen di Kementerian. ii. Sesi perkongsian ilmu di peringkat dalaman Jabatan, Bahagian, Cawangan dan Seksyen di Kementerian. iii. Program <i>Executive Talk Series</i> anjuran IKLIN Jabatan, Kementerian, Agensi luar dan program yang seumpamanya. iv. Perhimpunan Bulanan Jabatan dan Kementerian. v. Sesi pembelajaran di agensi dan pihak luar Jabatan dan kementerian. vi. Program penerapan nilai-nilai murni dan ceramah-ceramah khas pada bulan Ramadhan. vii. Program sambutan/ program khas sambutan bulan-bulan Islam/ perayaan yang mengandungi ucapan/ ceramah/ forum. viii. Sesi pembelajaran sendiri (ICT).
PEMBELAJARAN KENDIRI Definisi: Kaedah pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas daya usaha sendiri secara atas talian (<i>online</i>).	i. Penggunaan portal e-Pembelajaran Sektorawam (EPSA) -www.epsa.intan.my. ii. Penggunaan portal e-pembelajaran yang diiktiraf oleh Kementerian. iii. Pembacaan buku-buku ilmiah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Buku biasa/ bentuk fizikal atau <i>e-book</i>).

7. OBJEKTIF LATIHAN

7.1 Objektif pelan ini secara umumnya untuk menyediakan latihan berstruktur bagi pembangunan kerjaya pegawai perpaduan mengikut tempoh perkhidmatan dan gred perkhidmatan. Latihan ini akan memastikan pegawai mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam pengurusan perpaduan serta mampu mengendalikan cabaran dalam meningkatkan integrasi sosial di pelbagai peringkat.

7.2 Objektif khusus pelan ini untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- | | | |
|-------|-------------------------|--|
| (i) | Pembentukan Sikap | Melahirkan warga kerja yang mempunyai nilai-nilai murni, amanah dan bersikap positif dalam melaksanakan tugas. |
| (ii) | Peningkatan Pengetahuan | Menyediakan warga kerja berkecayaan yang mempunyai pengetahuan yang diperlukan dan mencukupi dalam menjalankan tugas bagi mencapai objektif organisasi. |
| (iii) | Peningkatan Kemahiran | Melahirkan warga kerja yang berkebolehan dan berkemahiran dalam mencapai hasil kerja yang berkualiti tinggi dan mampu mengendali cabaran dalam mengurus perpaduan serta meningkatkan integrasi sosial di pelbagai peringkat bagi mencapai prestasi organisasi. |

8. DASAR LATIHAN

Menjadikan IKLIN sebagai pusat penyaluran ilmu pengetahuan yang berdaya saing, efektif dan unggul berteraskan kepada Perlembagaan dan Rukun Negara melalui perkongsian ilmu pengetahuan, idea, latihan, kajian dan penyelidikan serta konsep pembelajaran sepanjang hayat bagi memacukan kebolehan dan mengintegrasikan teknologi dalam pengurusan perpaduan dan pengesanan konflik supaya komunikasi berkesan dalam usaha membina kepakaran khusus dalam bidang perpaduan negara dan integrasi nasional.

9. SKOP LATIHAN

Skop latihan memberi fokus kepada pembangunan kerjaya pegawai perpaduan dalam pengetahuan asas, kemahiran profesional, kefahaman mendalam dalam perpaduan, kepelbagaian budaya, adat resam dan agama dengan menggunakan teknologi terkini secara latihan berterusan dan pengukuhan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkesan.

10. STRATEGI LATIHAN

Strategi latihan merujuk kepada pendekatan dan perancangan yang menyeluruh dirancang untuk mencapai objektif latihan secara berkesan berdasarkan kepada strategi-strategi yang digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005. Ia merupakan kerangka tindakan terdiri dari elemen dan kaedah yang dipilih untuk memastikan setiap aspek latihan yang dirancang dapat membina kefahaman, meningkatkan kemahiran dan mengukuhkan kompetensi secara sistematik untuk mencapai visi, misi, matlamat dan objektif yang ditetapkan seperti berikut:

10.1 Pendekatan Latihan:

Pendekatan latihan merangkumi tiga (3) aspek iaitu teoretikal, praktikal dan interaktif yang bermula dari peringkat asas kepada penglibatan dalam aktiviti secara simulasi situasi sebenar dengan kaedah perbincangan, kerja kumpulan dan perkongsian pengalaman untuk memperkayakan pemahaman peserta. Dalam usaha membangunkan kompetensi dan profesionalisme pegawai perpaduan, pendekatan latihan memberi fokus kepada empat (4) Seksyen Utama berkaitan dengan generik dan fungsian seperti berikut:

10.1.1 Pelaksanaan kursus di bawah IKLIN terbahagi kepada empat (4) seksyen berikut:

Seksyen	Fokus kursus	Sumber Rujukan
a) Pembangunan Kompetensi dan Profesional	i) Memberi tumpuan kepada peningkatan kompetensi dan profesionalisme Pegawai JPNIN. ii) Pelaksanaan kursus di bawah elemen generik seperti pengurusan, pentadbiran, perolehan dan kewangan dalam usaha membangunkan organisasi yang lebih cemerlang.	i) Dasar Pembangunan Sumber Perkhidmatan JPA ii) Pelan Strategik Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2021-2025 iii) Dasar-dasar semasa Kerajaan iv) Mesyuarat Jawatankuasa Kajian dan Latihan
b) Pengurusan Perpaduan dan Keharmonian	i) Pelaksanaan kursus memberi pendedahan berkenaan	i) Buku Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Mediator Komuniti

Seksyen	Fokus kursus	Sumber Rujukan
	kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam pengurusan isu perpaduan. Antaranya kemahiran dalam mengesan dan mengurus isu perpaduan melalui sistem e-sepakat dan Mediasi Komuniti.	ii) Buku Panduan Tatacara Pengendalian Kes Mediasi Komuniti iii) Buku Panduan Penubuhan dan Pengoperasian Pusat Mediasi Komuniti iv) Manual Pengguna Sistem Maklumat Perpaduan (i-Mediator) v) Buku Panduan Kod Etika Mediator Komuniti vi) Modul Asas Mediasi Sosial JPNIN
c) Pendidikan Kesedaran Perpaduan dan Kenegaraan	Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak: i) Segmen kursus berfokus kepada pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan (TP) dan Taska Perpaduan (TSP). ii) Peningkatan kualiti guru TP melalui Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Unit Kenegaraan: i) Kursus yang memberi fokus kepada mengukuhkan jati diri dan semangat patriotisme kepada Pegawai JPNIN.	i) Modul Penghayatan Rukun Negara ii) Modul Jalinan Integrasi Nasional iii) Modul Kem Perpaduan Anak (TP) Malaysia iv) Modul Silang Budaya v) Buku Panduan Kelab Rukun Negara vi) Buku Panduan Sekretariat Rukun Negara vii) Buku Pengurusan dan Pentadbiran Taska Perpaduan viii) Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan

Seksyen	Fokus kursus	Sumber Rujukan
	ii) Modul <i>Training Of Trainers</i> untuk meningkatkan keupayaan Pegawai JPNIN sebagai Juru Latih dalam melaksanakan program-program patriotisme dan perpaduan.	
i) Pembangunan Komuniti dan Kejiranan	i) Pelaksanaan kursus untuk meningkatkan kemahiran Pegawai JPNIN dalam penyeliaan RT yang boleh memperkasakan komuniti di kawasan kejiranan khususnya Kawasan Rukun Tetangga (KRT). ii) Pelaksanaan kursus kepada AJK RT dan ketua projek berbentuk ekonomi komuniti untuk memperkasakan kebolehpayaan RT membantu menjana pendapatan komuniti setempat.	i) Buku Panduan Pengurusan & Pentadbiran RT ii) Modul Bengkel Program <i>Young, Effective, Smart (YES)</i> iii) Buku Agenda Kerja KRT iv) Buku Panduan SOP SRS v) Buku Panduan Pengurusan & Aset Alih RT vi) Modul Kursus Pengurusan RT (Sedia ada) vii) Kursus Pengurusan RT (sedia ada) viii) Pekeliling RT Dan SRS 2012 ix) Garis Panduan Pelantikan AJKRT x) Pekeliling Mesyuarat Penetapan & Pengoperasian KRT xi) Akta RT 2012 xii) Arahan Pentadbiran Penyaluran & Perbelanjaan Peruntukan di bawah OS42000 bagi program/ aktiviti yg

Seksyen	Fokus kursus	Sumber Rujukan
		diarahkan oleh KPN & JPNIN xiii) Buku Panduan Pelaksanaan Skwad Uniti xiv) Buku Panduan Pelaksanaan Program Sayangi Komuniti xv) Modul Latihan RT Progresif 2024.

10.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran:

Kaedah pengajaran dan pembelajaran latihan dijalankan dalam beberapa teknik seperti ceramah, kursus, bengkel, seminar, forum, dialog, latihan simulasi dan kajian kes.

10.3 Kumpulan Sasar

Perancangan kursus di bawah IKLIN lebih memberi tumpuan kepada peningkatan kompetensi pegawai perpaduan dan jentera perpaduan seperti berikut:

Jadual 3: Kumpulan Sasar Latihan / Kursus

a) Pegawai JPNIN	• Pegawai Perpaduan di bawah Skim Sosial • Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan • Pendidik dan Pembantu Pendidik Taska Perpaduan • Pegawai JPNIN di bawah pelbagai skim
b) Ahli Rukun Tetangga	• Komuniti Rukun Tetangga • Mediator Komuniti • Jiran Muda • Jiran Wanita
c) Kelab Rukun Negara / Sekretariat Rukun Negara	• Pelajar sekolah melalui Kelab Rukun Negara (KRN) • Mahasiswa melalui Sekretariat Rukun Negara (SRN) • Guru Penyelaras KRN • Pegawai Penasihat SRN

10.4 Rekabentuk dan Tempoh Latihan

Latihan direkabentuk seiring dengan tempoh perkhidmatan pegawai bermula dari penyampaian ilmu pengetahuan, meningkatkan kefahaman dan mengukuhkan kompetensi dan mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari. Latihan disusun berdasarkan tempoh seperti berikut:

- Latihan jangka pendek: Fokus kepada topik spesifik.
- Latihan jangka panjang: Latihan bersiri atau berkala.
- Latihan *blended learning*: Gabungan latihan fizikal dan atas talian

Berikut adalah garis masa bagi pelaksanaan kursus dalam tiga (3) kategori berikut:

Jadual 4: Garis Masa Pelaksanaan Kursus

a) Kursus Jangka Pendek	Kurang dari dua minggu (14 hari)
b) Kursus Jangka Sederhana	Lebih 14 hari – 3 bulan
c) Kursus Jangka Panjang	Lebih dari 3 bulan

10.5 Jaringan Kerjasama

Sebahagian besar kursus di bawah IKLIN dilaksanakan secara dalaman dengan menggunakan khidmat penceramah dalam kalangan Pegawai JPNIN. Dalam usaha menyediakan ilmu dan kemahiran yang terkini, IKLIN telah menyusun jaringan kerjasama strategik dan pembangunan modul latihan dengan pelbagai agensi. Melalui kerjasama strategik ini dapat menggalakkan perpindahan ilmu pengetahuan (*transfer of knowledge*) melalui khidmat penceramah, perkongsian sumber dan fasiliti dari agensi yang pakar dan mahir dalam bidang berkenaan.

Antaranya pelaksanaan kursus yang melibatkan kerjasama agensi Kerajaan dan badan profesional luar:

Segmen Kursus	Agensi
a) Pembangunan Kompetensi dan Profesional	- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) - Kementerian Kewangan - Khidmat Perunding
b) Pengurusan Perpaduan dan Keharmonian	- Polis Diraja Malaysia (PDRM) - IPTA/IPTS - Badan Bukan Kerajaan (NGO) - Pihak Berkuasa Tempatan

Segmen Kursus	Agensi
c) Pendidikan Kesedaran Perpaduan	• Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) • Kementerian Pengajian Tinggi • IPTA/IPTS • Kolej Komuniti dan Institut Latihan Awam
d) Pengukuhan Jati Diri dan Kenegaraan	• Akademik Kenegaraan Malaysia • IPTA/IPTS • Badan Bukan Kerajaan (NGO) • Agensi Kerajaan

11. PELAKSANAAN LATIHAN

Pelaksanaan latihan dijalankan berdasarkan peringkat-peringkat seperti berikut:

11.1 Perancangan Latihan

A. Penyediaan Perancangan Latihan

- (i) Menyediakan perancangan latihan dengan mengambil kira:
 - (a) Keputusan Jawatankuasa Kajian dan Latihan (JKL, IKLIN); atau
 - (b) Keputusan/Cadangan dari *Stakeholder* atau Pengurusan Tertinggi Kementerian/Jabatan; atau
 - (c) Maklum balas/Cadangan dari Pengarah Negeri atau Bahagian; atau
 - (d) Program latihan di bawah Pelan Operasi Latihan (POL); atau
 - (e) Arahan-arahan semasa Agensi Kerajaan yang berkaitan; atau
 - (f) Dasar Kerajaan/RMKe-12; atau
 - (g) Permintaan Pelanggan.
- (ii) Menyediakan Takwim Latihan Tahunan.
- (iii) Membentangkan Cadangan Takwim Latihan Tahunan dalam Mesyuarat JKL, IKLIN untuk kelulusan.
- (iv) Memuat naik Takwim Latihan melalui laman web Jabatan www.jpnin.gov.my dan memaklumkan Takwim Latihan yang terkini kepada semua kakitangan Jabatan melalui e-mel semua@perpaduan.gov.my.
- (v) Membuat kajian semula Takwim Latihan dan membentangkan cadangan kepada Pengurusan Tertinggi JPNIN pada setengah tahun semasa.
- (vi) Rumusan Perancangan Latihan Tahun 2025 IKLIN ialah seperti di **Lampiran C**.

B. Penyediaan Pakej Latihan

- (i) Menyediakan Pakej Latihan dalam bentuk pengisian modul latihan

- yang merangkumi jenis latihan, objektif, kumpulan sasar dan tempoh latihan.
- (ii) Mengurus dan memantau kursus-kursus luar yang diiktiraf.
- (iii) Kajian semula Pakej Latihan berdasarkan maklum balas peserta dan pandangan daripada pemegang taruh.

11.2 Pelaksanaan Latihan

C. Sebelum Latihan

- (i) Penyediaan Kertas Pertimbangan
 - (a) Menyediakan Kertas Pertimbangan Kursus / Latihan.
 - (b) Membentangkan Kertas Pertimbangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Bagi Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej.
 - (c) Menyediakan Kertas Pertimbangan Kursus / Latihan bagi mendapatkan kelulusan pelaksanaan dan berbelanja daripada Pegawai Pengawal.
- (ii) Persediaan Latihan Bagi Kakitangan Jabatan dan Jentera Perpaduan / NGO:
 - (a) Menguruskan jemputan kepada peserta berdasarkan:
 - Pencalonan daripada Pengarah Bahagian/ Negeri/ IKLIN; atau
 - Permohonan individu melalui Ketua Jabatan (Borang A).
 - (b) Menguruskan jemputan kepada penceramah/fasilitator.
 - (c) Menguruskan Pesanan Tempatan berkaitan perkhidmatan latihan.
 - (d) Menyediakan keperluan logistik bagi tujuan latihan.
 - (e) Menguruskan bayaran penceramah mengikut pekeliling dan garis paduan yang ditetapkan.
- (iii) Semua peserta kursus perlu mendaftar melalui sistem e-IKLIN Versi 2.0.

D. Semasa Latihan

- (i) Mengurus, menyelaras dan memastikan kursus/ latihan dilaksanakan dalam tempoh latihan yang telah ditetapkan berdasarkan Senarai Semak.

E. Selepas Latihan

- (i) Mengemukakan dokumen bagi tujuan pembayaran kepada Unit Kewangan.
- (ii) Peserta perlu membuat penilaian kursus dan penceramah dalam sistem e-IKLIN.
- (iii) Peserta boleh menjana sijil secara digital selepas melengkapkan sistem e-IKLIN.

- (iv) Pegawai yang menguruskan latihan menyediakan laporan pelaksanaan Latihan dan Laporan Penilaian Latihan dalam sistem e-IKLIN.
- (v) Mengemaskini rekod kehadiran peserta dalam Rekod Latihan Sistem e-IKLIN tertakluk bagi pegawai jabatan sahaja.

F. Pemantauan Latihan

- (i) Membentangkan Laporan Pelaksanaan Latihan setiap setengah tahun dalam Mesyuarat Penyelarasan Bahagian Pembangunan Latihan (BPL), IKLIN.
- (ii) Melaporkan Pelaksanaan Latihan dan Penilaian Keberkesanan Latihan secara berkala dalam Mesyuarat JKL, IKLIN.

12. MEWUJUDKAN PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT*)

Perancangan dan Penentuan Bidang Kepakaran

Bagi memenuhi keperluan jangka masa panjang dan sederhana, Jabatan melalui IKLIN merancang untuk melahirkan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) selaras dengan visi dan misi organisasi. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 berkaitan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus bagi Pegawai Perkhidmatan Awam dan Persekutuan, Perkara 12 ada menerangkan berkaitan Fasa Pelaksanaan Kemajuan Laluan Kerjaya melalui SME. Berdasarkan perkara ini, Jabatan optimis dapat melahirkan pegawai yang mampu menjadi pakar rujuk berdasarkan kriteria pencapaian seperti berikut:

12.1 Pencapaian Akademik

Pegawai Jabatan/IKLIN memiliki pencapaian akademik/ sijil ikhtisas/ sarjana/ Ph.D berkaitan bidang kepakaran;

12.2 Sumbangan

Semua pegawai digalakkan untuk menyumbang idea inovatif dan kreatif dalam tugas rasmi atau tidak rasmi, penglibatan dalam program berimpak tinggi, mendapat pengiktirafan dalam bidang kepakaran sama ada di peringkat universiti, sektoral, negara atau antarabangsa;

12.3 Kelayakan Profesional

Memiliki kelayakan profesional dari badan profesional yang diiktiraf di peringkat negara atau antarabangsa;

12.4 Penulisan dan Pembentangan Ilmiah atau Laporan Teknikal

Penghasilan bahan rujukan dan laporan profesional dalam bidang kepakarannya;

12.5 Penyelidikan dan Pembangunan (*Research & Development*) Penghasilan kajian-kajian berkaitan bidang kepakaran yang berimpak tinggi serta dijadikan rujukan dari dalam atau luar organisasi;

12.6 Coaching & Mentoring

Keupayaan melahir dan membentuk pelapis yang mempunyai kepakaran yang sama (*transfer of knowledge and skills*).

PEMBANGUNAN PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT*) PEGAWAI PERPADUAN MASYARAKAT

PAKAR BIDANG KHUSUS	KURSUS / SEMINAR	PENGALAMAN
1. MEDIASI SOSIAL	a) Kursus Asas Mediasi Sosial b) Pensijilan Mediasi Sosial/ Tahap 1 c) Kursus Reskilling Mediasi Sosial/ Tahap 2 d) Kursus Upskilling Mediasi Sosial/ Tahap 3 e) Menghadiri pelbagai seminar/ persidangan Mediasi dalam dan luar negara	a) Mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dan pengendalian bidang khusus berkenaan. b) Terlibat sebagai penulis modul/ bengkel bidang khusus berkenaan. c) Juru Latih/ Penceramah Kursus bidang khusus berkenaan. d) Pembentang Kertas Kerja bidang khusus berkenaan.
2. PENGURUSAN PERPADUAN	a) Kursus Pengesanan Isu Perpaduan b) Kursus Sistem e-sepakat c) Menghadiri pelbagai seminar/ persidangan Pengurusan Perpaduan dalam dan luar negara	
3. SILANG BUDAYA & HUBUNGAN ETNIK	a) Kursus Silang Budaya b) Kursus Pengurusan Hubungan Etnik c) Kursus Literasi Perlembagaan dan Kenegaraan - Individu – Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara - Keluarga – Tabika Perpaduan & Rukun Tetangga Komuniti – Rukun Tetangga	
4. Pembangunan Komuniti	a) Kursus Pembangunan Komuniti	

PAKAR BIDANG KHUSUS	KURSUS / SEMINAR	PENGALAMAN
	b) Kursus Keselamatan Komuniti c) Kursus Pemerkasaan Ekonomi Komuniti	


13. PELAN STRUKTUR LATIHAN PEGAWAI

Setiap pegawai jabatan akan melalui proses latihan seperti yang tertera di Rajah 1. Jenis latihan ditentukan mengikut gred atau bidang. Sila Rujuk Lampiran untuk penjelasan lanjut mengenai jenis latihan yang diperlukan mengikut gred atau bidang.

Lampiran A: Pelan Struktur Latihan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (Gred S1 – S8)

Lampiran B: Pelan Struktur Latihan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Gred S9 ke atas)

Rajah 1: Aspirasi Latihan dalam Perkhidmatan oleh JPA



14. PERUNTUKAN LATIHAN

Pelaksanaan program latihan tertakluk kepada peruntukan JPNIN pada tahun semasa. Peruntukan yang diluluskan untuk program latihan JPNIN pada tahun 2025 ialah

a)	Anjuran IKLIN	RM 1,345,000.00
b)	Anjuran Pelbagai Bahagian Jabatan Perpaduan	RM 826,000.00
	Jumlah (1% daripada jumlah peruntukan Emolumen JPNIN)	RM 2,171,000.000

Bahagian Pembangunan Latihan
Institut Kajian Dan Latihan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**PELAN STRUKTUR LATIHAN PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
GRED S1 – S8**

KURSUS GENERIK				
a) Kursus Asas Pengurusan Kewangan & Perolehan b) Kursus Asas Pengurusan & Pentadbiran c) Kursus Asas Pengurusan Tanah & Pembangunan d) Kursus Asas Pembaikan & Naik taraf e) Kursus Asas Pengurusan Sumber Manusia f) Kursus Asas Teknologi Maklumat g) Kursus Integriti dan Pengurusan Aduan KURSUS FUNGSIAN	a) Kursus Pengurusan Kewangan & Perolehan Tahap 1 b) Kursus Pengurusan & Pentadbiran Tahap 1 c) Kursus Pengurusan Aset d) Kursus Integriti & Pengurusan Aduan e) Kursus Pengurusan Sumber Manusia Tahap 1 f) Kursus Kecerdasan Digital KURSUS FUNGSIAN	a) Kursus Pengurusan & Pentadbiran Tahap 2 b) Kursus Pengurusan Sumber Manusia Tahap 2 KURSUS FUNGSIAN	a) Kursus Jangka Pendek Swasta/ Seminar / Persidangan / Bengkel / INTAN /JPA	a) Kursus Pra Persaraan
a) Kursus Asas Mediasi b) Kursus Kesepaduan Sosial c) Kursus Asas Pengurusan Perpaduan d) Kursus Asas Pembangunan Komuniti	a) Kursus Pensijilan Mediasi Sosial Tahap 1 b) Kursus Pengurusan Perpaduan Tahap 1 c) Kursus Pengurusan Perpaduan Tahap 2 d) Kursus Silang Budaya & Hubungan Etnik Tahap 1 e) Kursus Pembangunan Komuniti Tahap 1 f) Kursus Pembangunan Komuniti Tahap 1	a) Kursus Mediasi Sosial Tahap 2 b) Kursus Mediasi Sosial Tahap 3 c) Kursus Pengurusan Perpaduan Tahap 3 d) Kursus Hubungan Etnik & Silang Budaya Tahap 2 e) Kursus Hubungan Etnik & Silang Budaya Tahap 3 f) Kursus Pembangunan Komuniti Tahap 2		
Asas	Pertengahan	Pertengahan	Lanjutan	Peralihan Kerja
PENDEDAHAN & PENERAPAN KOMPETENSI	PENINGKATAN & PEMBANGUNAN KOMPETENSI	PENINGKATAN & PEMBANGUNAN KOMPETENSI	PENGUKUHAN KOMPETENSI	PERALIHAN KERJAYA
0	1	3	5	10
15	20	25	2 tahun sebelum bersara	
TEMPOH PERKHIDMATAN				

**PELAN STRUKTUR LATIHAN PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
GRED S9 KE ATAS**

Lampiran B

KURSUS GENERIK				
a) Kursus Asas Pengurusan Kewangan & Perolehan b) Kursus Asas Pengurusan & Pentadbiran c) Kursus Asas Pengurusan Tanah & Pembangunan d) Kursus Asas Pembaikan & Naik taraf e) Kursus Asas Pengurusan Sumber Manusia f) Kursus Asas Teknologi Maklumat g) Kursus Bahasa Inggeris Tahap 1 h) Kursus Integriti dan Pengurusan Aduan KURSUS FUNGSIAN i) Kursus Asas Mediasi j) Kursus Kesepaduan Sosial k) Kursus Asas Pengurusan Perpaduan l) Kursus Asas Pembangunan Komuniti	a) Kursus Pengurusan Kewangan & Perolehan Tahap 1 b) Kursus Pengurusan & Pentadbiran Tahap 1 c) Kursus Pengurusan Aset Tahap 1 d) Kursus Integriti & Pengurusan Aduan e) Kursus Pengurusan Sumber Manusia Tahap 1 f) Kursus Bahasa Inggeris Tahap 2 g) Kursus Kecerdasan Digital Tahap 1 KURSUS FUNGSIAN a) Kursus Pensijilan Mediasi Sosial Tahap 1 b) Kursus Pengurusan Perpaduan Tahap 1 c) Kursus Pengurusan Perpaduan Tahap 2 d) Kursus Silang Budaya & Hubungan Etnik Tahap 1 e) Kursus Pembangunan Komuniti Tahap 1 f) Kursus Pembangunan Komuniti Tahap 1	a) Kursus Pengurusan & Pentadbiran Tahap 2 b) Kursus Pengurusan Sumber Manusia Tahap 2 c) Kursus Kecerdasan Digital Tahap 2 d) Kursus Bahasa Inggeris Tahap 3 KURSUS FUNGSIAN a) Kursus Mediasi Sosial Tahap 2 b) Kursus Mediasi Sosial Tahap 3 c) Kursus Pengurusan Perpaduan Tahap 3 d) Kursus Hubungan Etnik & Silang Budaya Tahap 2 e) Kursus Hubungan Etnik & Silang Budaya Tahap 3 f) Kursus Pembangunan Komuniti Tahap 2	a) Kursus Jangka Pendek Swasta/ Seminar / Persidangan / Bengkel / INTAN /JPA / RSOG b) Kursus Jangka Pendek / persidangan/ seminar luar negara	b) Kursus Pra Persaraan
Asas	Pertengahan	Pertengahan	Lanjutan	Peralihan Kerja
PENDEDAHAN & PENERAPAN KOMPETENSI	PENINGKATAN & PEMBANGUNAN KOMPETENSI	PENINGKATAN & PEMBANGUNAN KOMPETENSI	PENGUKUHAN KOMPETENSI	PERALIHAN KERJAYA
0 1 3	5 10	15 20	25	2 tahun sebelum bersara
TEMPOH PERKHIDMATAN				

**PERANCANGAN LATIHAN BAGI TAHUN 2025 ANJURAN IKLIN,
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Bajet (RM)	Kumpulan Sasaran/Bilangan	Kategori Latihan	Struktur Latihan
1	Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan bagi Guru Tabika Perpaduan Tahun 2025	Mei	Melaka	90,000	Guru Tabika Perpaduan (40 orang)	Fungsian	Asas
2	Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan bagi Penolong Guru Tabika Perpaduan Tahun 2025	Jun	Selangor	90,000	Penolong Guru Tabika Perpaduan (40 orang)	Fungsian	Asas
3	Kursus Kenegaraan Malaysia Madani Zon Timur	Jun	Terengganu	50,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Professional (40 Orang)	Fungsian	Pertengahan

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Bajet (RM)	Kumpulan Sasaran/Bilangan	Kategori Latihan	Struktur Latihan
4	Kursus TOT Kepimpinan dan Kenegaraan	Julai	Negeri Sembilan	50,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (60 Orang)	Fungsian	Lanjutan
5	Kursus Pengukuhan Kendiri (Gred 44 dan kebawah)	Februari	Terengganu	60,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Professional (60 Orang)	Generik	Pertengahan
6	Kursus Asas Tanah dan Pembangunan	22 - 24 Januari	Kelantan	50,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Professional (60 Orang)	Generik	Pertengahan Jika dilaksanakan pada 29 Nov (tak perlu laksana)
7	IKLIN <i>Executive Talk Series</i> (Program Atas Talian Terbuka) 10 siri	10 siri (Januari - Oktober)	Dalam talian	30,000	Pegawai Perpaduan, Guru, Penolong Guru & Masyarakat (60 Orang)		
8	Kursus Kejurulatihan Modul Asas Mediasi Sosial	Februari	Kuala Lumpur	70,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Professional (40 orang)	Fungsian	Lanjutan

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Bajet (RM)	Kumpulan Sasaran/Bilangan	Kategori Latihan	Struktur Latihan
9	Kursus Asas Mediasi Sosial Bagi Pegawai JPNIN	April	Kuala Lumpur	50,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (50 orang)	Fungsian	Asas
10	Seminar Asas Mediasi Sosial (Dilaksanakan bersama KESPADU & dikenakan bayaran kepada peserta)	Oktober	Kuala Lumpur	50,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional & Pegawai Pelbagai Agensi (60 orang)	Fungsian	Asas
11	Kursus Reskilling Mediasi Sosial Bagi Pegawai JPNIN	April	Kuala Lumpur	70,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (60 orang)	Fungsian	Lanjutan
12	Kursus Pengurusan Isu dan Konflik Bagi Pegawai Zon Borneo	Mei	Sabah	60,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (40 orang)	Fungsian	Asas

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Bajet (RM)	Kumpulan Sasaran/Bilangan	Kategori Latihan	Struktur Latihan
13	Kursus Pemantapan Bahasa Inggeris Pegawai JPNIN	September	Kuala Lumpur	50,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (40 orang)	Generik	Pertengahan
14	Kursus Perolehan dan Tatacara Aset Kerajaan bagi Tabika dan Taska Perpaduan (online)	Mac	Dalam talian	5,000	Guru Tabika / Penolong Guru / Pendidik / Pembantu Pendidik (60 orang)		Pertengahan
15	Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-Kanak Bagi Pendidik Taska Perpaduan Tahun 2025 (online)	Mac	Dalam talian	5,000	Pendidik Taska Perpaduan (60 orang)	Fungsian	Asas
16	Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-Kanak Bagi Pembantu Pendidik Taska Perpaduan Tahun 2025 (online)	Ogos	Dalam talian	5,000	Pembantu Pendidik Taska Perpaduan		Asas

17	Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej bagi Kursus Motivasi, Mengenal Potensi dan Penampilan Diri (TANGKAS) (<i>Online</i>)	Julai	Dalam talian	5,000	Guru Tabika / Penolong Guru / Pendidik / Pembantu Pendidik (60 orang)	Generik	Pertengahan
18	Kursus Perolehan dan Tatacara Aset Kerajaan bagi Tabika dan Taska Perpaduan (<i>online</i>) Siri 2	Jun	Dalam talian	5,000	Guru Tabika / Penolong Guru / Pendidik / Pembantu Pendidik (60 orang)	Generik	Pertengahan
19	Kursus Literasi Kenegaraan Bagi Sekretariat Rukun Negara (<i>online</i>)	Julai	Dalam talian	5,000	Pegawai Perpaduan dan Guru Penyelaras Kelab Rukun Negara (60 orang)	Fungsian	Asas
20	Kursus Literasi Kenegaraan Kumpulan Sasar Guru Penasihat KRN (<i>online</i>)	Ogos	Dalam talian	5,000	Pegawai Perpaduan dan Pegawai Penyelaras Sekretariat Rukun Negara (60 orang)	Fungsian	Asas
21	Kursus Pengurusan Keselamatan Pejabat Bersama CGSO (<i>online</i>)	Mac	Dalam talian	5,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (60 orang)	Generik	Asas

22	Kursus Pengurusan Fail dan Pelupusan Fail (<i>online</i>)	September	Dalam talian	5,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (60 orang)	Generik	Pertengahan
23	Kursus Pengurusan dan Pengacaraan Majlis (<i>online</i>)	Julai	Dalam talian	5,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (60 orang)	Generik	Pertengahan
24	Kursus Integriti sebagai Teras Profesionalisme di Tempat Kerja (<i>online</i>)	Oktober	Dalam talian	5,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (60 orang)	Generik	Pertengahan
25	Bengkel Perancangan Strategik IKLIN 2025	Januari (selepas Kursus Tanah)	Kelantan	50,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (30 orang)	Generik	Pertengahan

26	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (OUM bagi Guru) bagi guru yang belum menamatkan pengajian	Februari – Disember	Pelbagai lokasi OUM	120,000	Guru Tabika Perpaduan (45 orang yang belum menamatkan Diploma Pendidikan Awal kanak-Kanak OUM)	Fungsian	Asas (bergantung pada keputusan Mesyuarat Direktorat dan PUU)
27	Program Persidangan Pegawai Perpaduan Bagi Tahun 2025	April	Janda Baik, Pahang	350,000	Pegawai Kumpulan Sokongan Dan Pengurusan & Profesional (200 orang)	Generik	Pertengahan
JUMLAH (RM)				1,345,000			

Nota:

- a) Kategori Latihan merujuk kepada Generik/ Fungsian
- b) Struktur Latihan merujuk kepada **Pra-Penempatan, Asas, Pertengahan, Lanjutan, dan Peralihan** sepertimana yang dijelaskan dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2005**.

**PERANCANGAN LATIHAN TAHUN 2025 ANJURAN BAHAGIAN IBU PEJABAT
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN							
Bil.	Tajuk Kursus	Cadangan Tarikh	Cadangan Tempat	Bajet	Kumpulan Sasar	Kategori Latihan	Catatan
1.	Taklimat Pengurusan Keselamatan Perlindungan	Januari-Februari 2025	Hibrid	2,000	Pegawai Bahagian, Negeri dan IKLIN	Generik	
2.	Taklimat Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi	Januari-Februari 2025	Hibrid	2,000	Pegawai Bahagian, Negeri dan IKLIN	Generik	
3.	Taklimat Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan Pegawai Pengelas	Januari-Februari 2025	Hibrid	2,000	Pegawai Bahagian, Negeri dan IKLIN	Generik	
4.	Taklimat Kesedaran Keselamatan Perlindungan	Januari-Februari 2025	Hibrid	2,000	Pegawai Bahagian, Negeri dan IKLIN	Generik	
	JUMLAH			8,000			

BAHAGIAN KESEPADUAN SOSIAL DAN INTEGRASI NASIONAL							
Bil.	Tajuk Kursus	Cadangan Tarikh	Cadangan Tempat	Bajet	Kumpulan Sasar/ Bilangan	Kategori Latihan	Catatan

1.	Taklimat Skim Insurans Kemalangan Diri Berkelompok untuk murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan	Januari 2025	Online	10,000	Pegawai Ibu Pejabat & Negeri	Fungsional	
2.	Seminar Pengukuhan Profesionalisme Guru Sempena Sambutan Hari Guru	Mei 2025	Sekitar Lembah Klang	50,000	Pegawai dan Guru TP Dan TSP	Fungsional	
	JUMLAH			60,000			

BAHAGIAN PENGURUSAN PERPADUAN							
Bil.	Tajuk Kursus	Cadangan Tarikh	Cadangan Tempat	Bajet	Kumpulan Sasar/ Bilangan	Kategori Latihan	Catatan
1.	Bicara Isu Semasa Perpaduan	Mac, Jun, September, Disember	Dalam Talian	3,000	Komuniti RT, Pegawai	Fungsional	4 siri (setiap suku tahun)
2.	CONNECT@Seminar Mediasi Komuniti 2025	April	Kuala Lumpur	100,000	Mediator Komuniti, Pemimpin Masyarakat, Pegawai Kerajaan, Ahli Akademik dan wakil NGO	Fungsional	

3.	Program Sidang Mediator Komuniti	April – September	Semua negeri	620,000	Mediator Komuniti, Pegawai Perpaduan	Fungsional	
	JUMLAH			723,000			

UNIT INTEGRITI							
Bil.	Tajuk Kursus	Cadangan Tarikh	Cadangan Tempat	Bajet	Kumpulan Sasar/Bilangan	Kategori Latihan	Catatan
1.	Kursus Asas Siasatan dan Penulisan Laporan	Januari 2025	Hotel Sekitar Lembah Klang (2 hari 1 malam)	29,000	Pegawai Ibu Pejabat dan Negeri yang terpilih	Generik	
2.	Bicara Integriti Bilangan 1 Tahun 2025	Mac 2025	Hibrid	3,000	Semua	Generik	
3.	Taklimat <i>Whistle Blower Policy</i>	Jun 2025	Hibrid	3,000	Semua	Generik	
	JUMLAH			35,000			
	JUMLAH KESELURUHAN			826,000			